

Solat Sunnah Istikharah

Dikulliahkan Oleh:


UST. ABU FAROUQ RASUL BIN DAHRI

012-7713635

019-7783635

07-3353635 (Rumah)

07-3345240 (Pejabat)



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ ، نَحْمَدُهُ وَكَسْتَعِينُهُ وَكَسْتَغْفِرُهُ ، وَتَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ الْفُتْسَانَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا
إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ .

{ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ } .

{ يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ
مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ
رَقِيبًا } .

{ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ
ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا } .

. أَمَّا بَعْدُ : فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ ، وَأَحْسَنَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَشَرُّ الْأُمُورِ مُحَدَّثَاتُهَا ، وَكُلُّ مُحَدَّثَةٍ بِدْعَةٌ ، وَكُلُّ بِدْعَةٍ
ضَلَالَةٌ ، وَكُلُّ ضَلَالَةٍ فِي النَّارِ .

SOLAT ISTIKHARAH

Istikharah bermaksud: Memohon kepada Allah agar diberi petunjuk untuk memperolehi pilihan yang terbaik dalam masalah atau hal-hal yang dihalalkan atau disyariatkan.

Solat istikharah hendaklah mengikut cara yang telah ditetapkan iaitu dua rakaat dan berdoa dengan doa istikharah yang dibaca:

1. Dibaca doa istikharah setelah memberi salam sebagaimana mengikut kebanyakan ulama seperti ulama empat mazhab.
2. Menurut Ibn Taimiyah *rahimahullah* bahawa doa istikharah dibaca sebelum memberi salam, iaitu diwaktu sujud atau tahiyat.
3. Sebahagian ulama Syafieyah berpendapat doa itu dibaca pada saat sujud atau setelah memberi salam..

Para ulama Salaf as-Soleh sepakat bahawa solat istikharah hukumnya sunnah bukan wajib. Iaitu dikerjakan dalam hal yang dibolehkan atau sunnah ketika terjadi sesuatu yang sukar untuk memilih terutama dalam hal-hal atau masalah yang diwajibkan atau disunnahkan, seperti dalam menentukan waktu untuk menunaikan ibadah haji atau umrah tahun ini atau sebaliknya. Iaitu umrah terlebih dahulu atau haji?

Solat istikharah adalah pengganti amalan syirik dan tradisi bangsa Arab pada masa jahiliyah yang meminta bantuan dukun, pawang, peramal nasib dengan menggunakan bintang, bertataiyur (meramal sial dengan burung), mengundi nasib dengan undian *azlan* dan sebagainya.

Kata *azlan* disebut juga sebagai: *Qidaah* atau disebut *siham* yang bermaksud belahan-belahan kayu yang keras yang telah dihaluskan. Kayu-kayu *qidaah* atau *siham* itu ada tiga jenis:

- A. Ditulis pada kayu tersebut: "*Lakukanlah*".
- B. Ditulis pada kayu tersebut: "*Jangan lakukan*".
- C. Tidak tertulis apa-apa perkataan.

Kayu-kayu yang tertulis dan tidak tertulis itu memiliki banyak bentuk. Kayu-kayu tersebut diagungkan dengan menggantungkannya di patung-patung atau berhala-berhala.

Yang paling banyak dilakukan oleh masyarakat Jahiliyah untuk menentukan sesuatu ialah melalui perdukunan, mentera dan meramal nasib. Cara-cara seperti ini digunakan untuk mengetahui antara nasib baik dan nasib buruk, untuk menentukan antara yang diperintahkan dan yang dilarang, untuk meneruskan pekerjaan atau membatalkan, contohnya ketika ingin melakukan safar (berpergian jauh), memulakan perniagaan, untuk mengetahui apakah nanti akan menang atau kalah di dalam peperangan, untuk memperolehi air, untuk mengetahui asal usul keturunan, memilih calon pasangan hidup dan segala urusan kehidupan yang lainnya.

Setelah datangnya Islam, Allah menghapuskan semua sarana-sarana syirik tersebut dan menggantikannya dengan solat istikharah. Syariat Islam menegaskan bahawa hal-hal seperti itu merupakan benih-benih kesyirikan.

Selanjutnya Allah '*Azza wa-Jalla* menggantikan semua permohonan dengan istikharah syarii bagi kaum Muslimin. Iaitu melalui solat dua rakaat dan doa. Cara seperti ini merupakan benih tauhid, kebahagiaan, taufik dan menyerahkan segala urusan kepada Allah yang Maha Mengetahui segala persoalan, Tuhan yang hanya Dia yang boleh mendatangkan kebaikan melalui solat dan doa untuk menjauhkan keburukan.

Hadis dari riwayat Jabir Bin Abdullah al-Ansari *radiallahu 'anhu*. Bahawasanya ia berkata: Rasulullah mengajarkan kepada kami cara-cara untuk melaksanakan solat (istikharah) dalam seluruh masalah sebagaimana baginda mengajarkan kepada kami surah dalam al-Quran. Baginda berkata:

إِذَا هُمْ أَحَدُكُمْ بِالْأَمْرِ ، فَلْيَرْكَعْ رَكَعَتَيْنِ مِنْ غَيْرِ الْقَرِيضَةِ ، ثُمَّ لِيَقُلْ : اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْتَخِيْرُكَ بِعِلْمِكَ ، وَاَسْتَقْدِرُكَ بِقُدْرَتِكَ ، وَاَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ الْعَظِيْمِ ، فَاِنَّكَ تَقْدِرُ وَلَا اَقْدِرُ ، وَتَعْلَمُ وَلَا اَعْلَمُ ، وَاَنْتَ عَلَامُ الْغُيُوْبِ ، اَللّٰهُمَّ اِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ اَنَّ هَذَا الْاَمْرُ (.....) خَيْرٌ لِّيْ فِيْ دِيْنِيْ وَمَعَاشِيْ وَعَاقِبَةِ اَمْرِيْ عَاجِلِهٖ وَاَجَلِهٖ فَاقْدِرْهُ لِيْ وَيَسِّرْهُ لِيْ ، ثُمَّ بَارِكْ لِيْ فِيْهِ ، وَاِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ اَنَّ هَذَا الْاَمْرُ شَرٌّ لِّيْ فِيْ دِيْنِيْ وَمَعَاشِيْ وَعَاقِبَةِ اَمْرِيْ عَاجِلِهٖ وَاَجَلِهٖ فَاَصْرِفْهُ عَنِّيْ وَاَصْرِفْنِيْ عَنَّهُ وَاَقْدِرْ لِيْ الْخَيْرَ حَيْثُ كَانَ ، ثُمَّ اَرْضِنِيْ بِهِ. قَالَ :

وَيُسَمَّى حَاجَتَهُ.

Jika seseorang dari kamu ingin melakukan sesuatu hendaklah ia solat dua rakaat selain solat fardu, kemudian hendaklah dia berdoa: Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kebaikan (petunjuk) dari-Mu berdasarkan ilmu Mu, aku memohon ketetapan dari Mu dengan kekuasaan Mu dan aku memohon kepada Mu sebahagian dari kurnai Mu yang agung. Sesungguhnya Engkaulah yang berkuasa sedangkan aku tidak berkuasa dan Engkaulah yang mengetahui sedangkan aku tidak mengetahui. Engkau yang Maha Mengetahui segala yang ghaib. Ya Allah, jika menurut Mu urusan ini adalah baik bagi aku (sebutkan hajat yang dikehendaki) dalam urusan agamaku, dan kehidupanku, akibatnya nanti, di duniaku dan di akhiratku, maka tetapkanlah untukku, mudahkanlah ia bagiku, kemudian berkahilah ia padaku. Tetapi jika menurut ilmu Mu urusan ini buruk bagi agamaku, kehidupanku, akibatnya nanti di dunia dan akhiratku, maka palingkanlah ia dariku dan

*palingkanlah aku darinya, tetapkanlah untukku sesuatu yang lebih baik di manapun ia berada dan jadikanlah aku rela kepadanya”.*¹

Bid’ah-Bid’ah Dalam Solat Istikharah

- Mengkhususkan hari-hari tertentu, malam-malam tertentu, waktu-waktu tertentu seperti malam Jumaat atau mengkhususkannya hanya ditengah-tengah malam.
- Melakukan solat istikharah melebihi dari dua rakaat.
- Mengkhususkan surah-surah yang tertentu untuk dibaca pada masa melakukan solat istikharah.
- Tidak membaca doa sebagaimana yang dicontohkan oleh Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wa-sallam*, sebaliknya membaca doa yang ada unsur-unsur syirik atau bertawasul kepada selain Allah.
- Menentukan atau menunggu tanda-tanda tertentu untuk disempurnakan seperti menunggu petanda mimpi.
- Dilakukan dengan solat berjamaah dan dilaungkan azan atau iqamah sebelum mendirikan solat.

¹. H/R Bukhari, Ahmad.